

## KONFLIK DIRI DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH HASANUDDIN MD ISA DARIPADA PERSPEKTIF AL-GHAZALI

SITI DAHLIA ABDULLAH  
IPG Kampus Tun Hussein Onn  
sitidahlia@iptho.edu.my

MAWAR SAFEI\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
mawar.safei@ukm.edu.my

\* Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Konflik atau pertelingkahan sering berlaku dalam kehidupan manusia. Ia sama ada terjadi antara individu mahupun perselisihan dalam dirinya sendiri. Konflik realiti yang berlaku ini banyak disalin semula para pengarang kreatif menerusi karya yang dinukilkan. Ada dalam kalangan penulis yang memanfaatkan pendekatan Islam dalam memperagakan malah mendatangkan solusi dalam konflik yang dimajukan dalam ruang naratif mereka. Antara penulis itu ialah Hasanuddin Md Isa. Maka penulisan ini menganalisis konflik yang dibawakan Hasanuddin Md Isa menerusi tiga novel kajian, iaitu *Mereka Yang Tertewas* (1991), *Cebisan Mantera Terakhir* (2014) dan *Sarjana Bangsa* (2015). Ketiga-tiga novel ini sangat tegar suara Islami yang sekian lama menjadi idiosinkrasi pengarang. Kerangka jiwa al-Ghazali digunakan bagi menganalisis konflik diri dalam tiga novel yang difokuskan. Kerangka jiwa al-Ghazali menjurus tiga bahagian, iaitu *al-qalb* (hati), *al-nafs* (nafsu) dan *al 'aql* (akal) dengan rujukan khusus kitab *Ihya'Ulumiddin*. Dapatan kajian memperlihatkan ada kecenderungan khas yang ditumpukan pengarang terhadap konflik tertentu dalam setiap novel yang dianalisis. Novel *Mereka Yang Tertewas* (1991) menunjukkan sifat nafsu yang lahir daripada sikap manusia yang sering terburu-buru dalam tindak laku sehingga mencetuskan konflik. Novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2014) pula menunjukkan keadaan hati yang dipengaruhi sifat dendam kesumat yang membawa kemudaratan dan kehilangan nyawa orang lain. Sementara *Sarjana Bangsa* (2015) mempamerkan hakikat akal menurut al-Ghazali dalam mengungkapkan kebijaksanaan protagonisnya berdakwah kepada golongan sasaran. Membaca gubahan Hasanuddin Md Isa melalui tiga novelnya ini memperkenalkan khalayak bukan sahaja dengan seni penukangan kreatif, tetapi pembaca dibekalkan acuan Islami tentang bagaimana sesuatu konflik itu perlu ditanggap. Dalam selang seli naratif itu turut ditemukan solusinya. Hasanuddin Md Isa membawa solusi Islami dalam penyelesaian setiap konflik yang dimajukannya.

**Kata kunci:** *Ihya'Ulumiddin*; kerangka jiwa Al-Ghazali; konflik diri; kritikan sastera; novel-novel terpilih Hasanuddin Md Isa

## SELF-CONFLICT IN HASANUDDIN MD ISA'S SELECTED NOVELS FROM THE PERSPECTIVE OF AL-GHAZALI

### ABSTRACT

Conflict often occurs in human life. It either happens between individuals or within oneself. The conflict also reflected in literature works. There are writers who utilize the Islamic approach in demonstrating and even bringing solutions to the conflicts. This writing analyses the conflict presented by Hasanuddin Md Isa in his three novels, namely *Mereka Yang Tertewas* (1991), *Cebisan Mantera Terakhir* (2014) and *Sarjana Bangsa* (2015). Al-Ghazali's soul framework is used to analyse self-conflict in the three focused novels. Al-Ghazali's soul framework concentrates on three parts, namely *al-qalb* (heart), *al-nafs* (lust) and *al 'aql* (mind) in *Ihya'Ulumiddin*. The findings of the study show that each novel has focused on certain part. *Mereka Yang Tertewas* (1991) shows the lust among human attitudes that are often hasty in their behaviour and cause conflict. While *Cebisan Mantera Terakhir* (2014) shows heart that has influenced by revenge that brings harm and loss of life to others. *Sarjana Bangsa* (2015) portrays the essence of reason according to al-Ghazali in expressing the wisdom of preaching to the target group. Reading Hasanuddin Md Isa's three novels introduces the audience to the art of creative narration, as well as the reader is provided with an Islamic model of how a conflict should be perceived and solved. Hasanuddin Md Isa brings an Islamic solution in the resolution of every conflict he develops.

**Keywords:** *Ihya'Ulumiddin*; Al-Ghazali's soul frame; self-conflict; literary criticism; Hasanuddin Md Isa's novel

### PENGENALAN

Konflik atau kemelut merupakan fenomena yang sering terjadi sepanjang proses kehidupan. Malike Brahim (2008) menyifatkan konflik sebagai suatu keadaan yang sukar diramal kewujudannya sehingga kesan daripada tindakan dan tingkah laku akibat konflik itu dirasakan. Konflik dikatakan sebagai suatu keadaan yang kurang menyenangkan terhadap sesuatu atau beberapa perkara yang boleh membawa kesan baik mahupun sebaliknya. Konflik boleh berlaku kepada sesiapa sahaja pada bila-bila masa (Misran Rokimin, 2008). Realiti inilah yang sering dihadapi dalam kehidupan sehari-hari. Manusia sentiasa berkonflik sama ada dalam diri mahupun dengan persekitarannya. Menurut Rogers (1961), konflik berlaku apabila wujud pertembungan antara kehendak ideal sendiri dengan keadaan sebenar sehingga meningkatkan tahap konflik diri seseorang. Konflik mencetuskan pelbagai perkara yang biasanya cuba dielak dalam kehidupan normal, justeru kewujudan konflik amat sinonim dengan manusia tanpa mengira jantina, usia, bangsa, status mahupun agama. Hakikatnya, manusia tidak boleh lari daripada konflik tetapi kebijaksanaan manusia menangani konflik itu yang menentukan sama ada konflik itu membawa kesan baik atau sebaliknya dalam diri mereka.

Dalam jalur kesusasteraan seperti novel, konflik merupakan satu bahagian penting yang menjadi kekuatan karya. Menurut Mana Sikana (1986), manusia dengan misteri dan keunikannya menjadikan sesuatu kajian bukan sahaja menyeronokkan tetapi penting. Kupasan konflik diri dibawa pengarang sebagai wadah menyalurkan idea dalam membentuk jalan cerita agar lebih menarik dan berkesan serta dekat dengan kehidupan masyarakat. Persoalan konflik diri ini mendapat tempat yang istimewa dalam kalangan penulis novel di Malaysia termasuk

Abdullah Hussain, A. Samad Said, Azizi Haji Abdullah, Shahnon Ahmad dan juga penulis yang ditumpukan kajian ini iaitu Hasanuddin Md Isa. Novel-novel yang dihasilkan Hasanuddin Md Isa diisi dengan realiti Islam melalui penampilan konflik watak-watak. Realiti ini ditelusuri melalui tiga novelnya yang dikaji dari sudut keislamannya berdasarkan kerangka jiwa al-Ghazali. Kecenderungan Hasanuddin Md Isa menulis novel berunsur Islam merupakan idiosinkrasinya sejak tiga dekad ini. Di tangan Hasanuddin Md Isa, novel-novel dibangunkan berasaskan konflik dan beliau dilihat mempunyai kecenderungan menyelesaikan segala konflik melalui wadah Islam.

Tiga buah novel yang dikaji ialah novel *Mereka yang Tertewas* (1991), *Cebisan Mantera Terakhir* (2014) dan *Sarjana Bangsa* (2015) karya Hasanuddin Md. Isa. Kajian ini memfokuskan konflik diri dalam ketiga-tiga novel tersebut. Kekuatan tema dan plot dalam karya beliau banyak diperkukuh melalui pemaparan konflik diri watak yang digambarkan melalui sensitiviti kepengarangannya dalam melihat realiti kehidupan masyarakat yang dijelmakan melalui penghasilan novel. Naratif novel rata-rata disertakan ragam pertelingkahan bagi membentuk sesuatu watak itu lebih hidup, lebih berkesan, diingati dan seterusnya membantu menguatkan jalinan plot. Menurut al-Ghazali pula (1980), peluasan seni sastera itu akan memperlihatkan keindahannya jika dapat membantu masyarakat khususnya pembaca, membentuk keterlanjuran-keterlanjuran dan menambahkan emosi kecintaan kepada Allah. Maka kepengarangan Hasanuddin Md Isa dan visi Islam dalam novel-novel ini diperhatikan melalui kaca mata al-Ghazali.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini memanfaatkan lapangan kepustakaan dan kaedah analisis kandungan terhadap tiga buah novel Hasanuddin Md Isa melalui perspektif al-Ghazali. Menurut Fariza Md Sham (2013), Al-Ghazali melihat manusia sebagai satu kesatuan dan kesepaduan antara perlakuan jiwa iaitu yang bersifat dalaman dan perlakuan jasad yang bersifat luaran. Segala perlakuan luaran manusia merupakan refleksi gerak dalaman yang terjelma dalam tingkah laku seperti emosi, motivasi dan sikap seseorang. Tingkah laku jasad boleh mempengaruhi sifat dan kerohanian seseorang.

Meskipun al-Ghazali menekankan kaitan antara kedua-duanya, namun pengaruh aspek dalaman atau rohani seseorang lebih mendominasi tingkah laku kerana hati mempunyai hubungan yang erat dengan anggota badan. Setiap sifat pada diri seseorang akan terserlah pada perlakuan luaran jasadnya. Aspek rohani ini menjadi daya dorong terhadap perlakuan jasad manusia. Aspek rohani atau spiritual ini terdiri daripada komponen roh (*al-ruh*), hati (*al-qalb*), nafsu (*al-nafs*) dan akal (*al-aql*) manusia.

Malah dalam penulisan terkini, *Jurnal Islamiyyat* misalnya menirukan perbincangan 12 kertas mereka dengan memanfaatkan acuan pendekatan al Ghazali. Beberapa tinjauan yang terkait dengan konflik dalam konteks kajian ini adalah oleh Nozira Salleh, Indriaty Ismail, Sharifah Ismail (2022), Ahmad Munawar Ismail, Abdul Muhaimin Mahmood (2022) dan Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman, Muhammad Fakhur Razi Shahabudin (2022). Melihat pada kekuatan pendekatan psikologi Islam yang dibawakan, kajian terhadap tiga buah novel karya Hasanuddin Md Isa dilaksanakan dengan mengenal pasti konflik hati, nafsu dan akal melalui perspektif al-Ghazali.

Beberapa kajian berbentuk latihan ilmiah turut menggunakan novel Hasanuddin Md Isa seperti kajian oleh Hashim Supree (2000), Noriha Basir (2010) dan Wan Rokiah Wan Yusuff (2017) mengkaji novel *Cebisan Mantera Terakhir* karya Hasanuddin Md Isa. Beberapa kajian ini lebih cenderung melihat kepengarangan Hasanuddin Md Isa dari sudut keislamannya. Siti Dahlia Abdullah (2020) turut menggunakan novel *Cebisan Mantera Terakhir* dalam kajian

ekokritiknya yang menganalisis kaitan alam dalam kehidupan manusia dan bagaimana konflik manusia dengan alam memberi impak kepada kehidupan sejagat. Sementara Eizah Mat Hussain, Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Nurhasyimah Saidin (2022) meninjau novel ini menerusi lensa realisme magis. Misran Rokimin (1997) dalam kajian beliau yang bertajuk *Mereka Yang Tertewas: Satu Kajian Teks dan Hubungannya dengan Latar Belakang Sosial Pelajar* (1997) juga menggunakan novel pertama Hasanuddin Md Isa iaitu novel *Mereka Yang Tertewas*. Redzaudin Ghazali *et al.* (2017) pula menggunakan novel *Sarjana Bangsa* dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Takmilah Novel *Sarjana Bangsa*. Turut ditemukan beberapa kajian yang menggunakan kerangka al-Ghazali dalam penganalisan mereka. Antaranya Mohd. Nasir Masroom (2015) yang memperkenalkan Modul Terapi Jiwa dari al-Quran menggunakan perkataan *al-qalb*, *al-ruh*, *al-'aql* dan *al-nafs* bagi merawat jiwa pesakit mental yang ditempatkan di hospital. Robiah Muhamad (2015) pula mengkaji novel S. Othman Kelantan menggunakan konsep nafsu al-Ghazali dengan melihat tabii keinginan dalam diri setiap insan melalui beberapa tingkatan nafsu yang dijadikan landasan pembentukan Model Insan Melayu.

### NOVEL KAJIAN

Novel *Mereka yang Tertewas* (1990) memaparkan latar belakang penerapan Islam yang jelas diutarakan pengarang melalui kehidupan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Watak utamanya Tapa atau Lebai Pa mengembara untuk mencari kehidupan yang baru apabila maruah diri dan keluarganya menjadi cacian masyarakat setelah dia menyatakan hasrat untuk mengahwini Mimah. Kehadiran Lebai Pa di Kampung Bukit Setugal disalahertikan penduduk kampung sebagai pembawa ajaran sesat. Pelbagai usaha dibuat oleh golongan yang menentang usaha dakwah Lebai Pa, namun itu tidak mematahkan semangat tuanya untuk terus menegakkan kembali Islam di kampung tersebut dengan sokongan kuat Jemilah, isterinya dan beberapa orang penduduk kampung.

Melalui novel *Cebisan Mantera Terakhir* (2014), Hasanuddin Md Isa mengetengahkan konflik amalan perubatan tradisi yang berlandaskan Islam dengan penggunaan mantera yang masih menjadi amalan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Meskipun masyarakat Melayu terdedah dengan perubatan moden, namun kaedah tradisional masih menjadi pilihan kerana bukan semua penyakit dapat diubati melalui teknologi terkini. Jamin seorang anak muda terpelajar yang sedang menyiapkan tesisnya, mencari guru untuk mendalami ilmu perubatan tradisional sebagai tanggungjawab seorang anak menegakkan keadilan bagi membela kematian bapanya Pawang Cha.

Novel *Sarjana Bangsa* mengungkapkan persoalan golongan cendekiawan yang berperanan dalam membentuk masyarakat ke arah kemajuan fikiran dan menunjangi pembinaan tamadun bangsa. Muhamad Isyraf Eilmy seorang pembantu pensyarah di Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia berada dalam medan perjuangan keadilan, kesaksamaan dan kebebasan generasi muda dalam membangunkan peradaban bangsa. Dalam mendapatkan maklumat tentang kertas kerja Kongres Melayu Antarabangsa yang sedang diusahakannya, Isyraf Eilmy banyak membuat penyelidikan, pembacaan dan perbincangan termasuk dengan ahli akademik lain dan ahli keluarganya yang mempunyai latar belakang dalam bidang penulisan dan politik. Meskipun tidak sentiasa sealiran dalam pendapat, tetapi Isyraf menganggap setiap perbincangan merupakan muzakarah yang mematangkan penulisan beliau. Keteguhan bangsa atas kekuatan ilmu merupakan asas yang ditekankan dalam perbincangan lantaran bangsa yang berilmu mempunyai kekuatan dan potensi dalam membina bangsa yang kukuh. Soalan dan perbincangan dapat dihuraikan dengan

jelas oleh Isyraf Eilmy yang telah menerima ijazah kedoktorannya tidak lama sebelum berlangsungnya kongres tersebut. Kesungguhan dan pendirian Isyraf Eilmy yang teguh dalam mengutarakan pandangan bahawa setiap individu dalam masyarakat perlu memiliki kecintaan mendalam terhadap ilmu di samping yang lebih utama menghayati ajaran agama Islam, dilihat sebagai visi Islam yang cuba diketengahkan pengarang Hasanuddin Md Isa sebagai satu usaha dakwah beliau membawa khalayak untuk menyedari peranan mereka.

## PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Tiga buah novel dalam perbincangan ini ialah novel *Mereka yang Tertewas*, *Cebisan Mantera Terakhir* dan *Sarjana Bangsa* karya Hasanuddin Md Isa. Kupasan konflik hati, nafsu dan akal diperincikan melalui analisis setiap novel tersebut.

### Konflik Nafsu (*al-nafs*) dalam Novel *Mereka yang Tertewas*

Dalam membincangkan konflik nafsu melalui nukilan Hasanuddin Md Isa, novel *Mereka yang Tertewas* dilihat mempunyai kecenderungan mengungkapkan konflik nafsu secara terperinci melalui pergolakan watak-wataknya. Menurut Fariza Md Sham *et al.* (2013), Al-Ghazali meletakkan nafsu sebagai jiwa yang merangkumi kekuatan daya marah dan syahwat dalam diri manusia. Al-Ghazali membahagikan kategori jiwa manusia kepada tiga bahagian utama mengikut pembahagian dalam al-Quran iaitu nafsu *ammarah*, nafsu *lawwamah* dan nafsu *mutmainnah*. Al-Ghazali menegaskan bahawa nafsu *ammarah* sangat berpengaruh ke atas tindakan manusia dalam memuaskan nafsu syahwat. Nafsu pada tahap ini dianggap paling rendah, tidak dapat membezakan antara kejahatan dan kebaikan. Manusia mudah terjebak ke dalam pelanggaran syariat, tidak berakhlak, tidak beradab, hilang perikemanusiaan, zalim, bertindak dan bertingkah sesuka hati hingga merosakkan diri dan persekitaran.

Nafsu *lawwamah* pula ialah nafsu pada peringkat pertengahan dalam jiwa manusia yang mengandungi unsur kejahatan dan kebaikan. Namun kecenderungan nafsu ini lebih kepada kebaikan, bererti nafsu yang baik adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan nafsu yang jahat. Menurut al-Ghazali, nafsu ini berada dalam keadaan jiwa yang tidak mencapai ketenangan yang mutlak, yang cenderung bergerak ke arah kebaikan atau sebaliknya ke arah kejahatan. Nafsu *mutmainnah* pula merupakan nafsu yang hanya mengandungi kebaikan. Nafsu ini adalah nafsu yang berada dalam keadaan tenang dan selamat daripada desakan nafsu syahwat serta mempunyai segala sifat kemuliaan. Dalam tingkatan martabat manusia, mereka yang paling mulia ialah manusia yang dapat mengendalikan nafsu yang sentiasa mendorong ke arah kejahatan dan membawanya ke jalan yang direcai Allah SWT. Pemilik nafsu *mutmainnah* ini mampu mengendalikan nafsu syahwat dengan baik serta sentiasa melakukan kebaikan. Nafsu *mutmainnah* ini merupakan iaitu nafsu yang terbaik dan tahap nafsu yang paling dicintai Allah SWT. Nafsu yang dididik ke arah kejahatan akan membentuk tingkah laku yang jahat dan liar. Peranan nafsu sangat besar kerana daripada keberadaannya dalam diri manusia akan lahirlah manusia yang pelbagai akhlak dan sahsiah (Nurakmaliah Alias & Mawar Safei, 2021). Jika nafsu kejahatan yang menguasai diri, maka lahirlah cendekiawan berilmu tetapi cenderung ke arah kejahatan.

Dalam novel *Mereka yang Tertewas*, pengarang membawakan konflik nafsu melalui watak-watak antaranya Lebai Pa, Jemilah, Kidam, Pak Soh dan Tijah. Dalam pelukisan watak-watak ini, pengarang memperlihatkan kekuatan ketiga-tiga peringkat nafsu sebagaimana yang dinyatakan al-Ghazali melalui kitab *Ihya'Ulumiddin*. Melalui novel yang sama juga, Hasanuddin Md Isa menampilkan konflik nafsu *ammarah* yang terserlah dalam diri Pak Soh, ketua kampung Bukit Setugal. Sebagai ketua, seharusnya Pak Soh bersikap lebih tenang dan

bersedia menerima kritikan untuk kebaikan bersama, namun sebaliknya Pak Soh lebih menurutkan nafsu *ammarah*nya sehingga sanggup menabur fitnah demi menyelamatkan diri dan kedudukannya. Sejak peristiwa cadangan tapak pembinaan masjid baru ditolak, dia merasakan bahawa kedudukannya mula tergugat, ada penduduk kampung ingin menjatuhkannya dan ada yang ingin merampas jawatannya sebagai ketua kampung.

“Aku sokong cadangan Lebai Pa!” Masih sempat Pak Soh yang berada di pintu pagar surau mendengar jeritan Akob, budak muda yang telah bertengkar dengannya tentang soal membeli atap zink untuk dibuat atap peneduh tempat menunggu bas beberapa bulan yang lalu. Terlalu terbakar hati Pak Soh dengan sikap Akob itu. Tak mengapa. Hari ini hari mereka. Tunggulah ... tunggulah jeratnya akan bingkas pula nanti. Tunggulah!

(Hasanuddin, 1991:103)

Kemuncak konflik nafsu *ammarah*, ditampilkan dalam diri Kidam seorang anak muda yang menjadi gila isim setelah mempelajari pencak silat seribu kalimah dalam gelanggang silat Pendekar Atan di Kampung Bukit Setugal. Melalui watak Kidam ini, pengarang turut mengkritik sesetengah golongan masyarakat yang jahil dan mudah dikuasai dengan emosi sehingga hilang kewarasan dalam membuat pertimbangan. Perwatakan Kidam sinonim dengan watak manusia sebenar pada hari ini yang lebih cenderung meletakkan nafsu lebih tinggi berbanding akal dan hati mereka. Demikian juga dalam novel *Mereka yang Tertewas*, Kidam melakukan perbuatan sumbang dengan memperkosa Tijah dan mengugut untuk membunuhnya jika Tijah membuka rahsia kejahatannya.

“Kidam buat apa ke atas kamu, Tijah.” Lebai Pa bersuara lantang ingin tahu peristiwa selanjutnya.

“Kidam...Kidam memperkosa saya.” Tijah memberi pengakuan tanpa malu-malu. Kidam kata...Kidam kata dia akan datang lagi malam ini. Kalau saya memberitahu orang tentang perkara ini, dia hendak membunuh saya.”

(Hasanuddin, 1991:194)

Al-Ghazali (1980) juga menjelaskan bahawa kegelapan dosa yang sudah bertindan lapis dalam hati seseorang akan terikat dengan rantai-rantai nafsu syahwat sehingga tidak mungkin mereka dapat melepaskan diri daripada cengkaman nafsu itu. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yasin (36:09) yang bermaksud, “Dan Kami jadikan di hadapan mereka pemisah (*dinding*) dan di belakang mereka juga pemisah, dan Kami tutup (*mata*) mereka sehingga mereka tidak dapat melihat.” Nafsu *ammarah* berada pada tempat paling rendah dalam kehidupan manusia, malah dikatakan lebih rendah daripada haiwan kerana berbeza dengan manusia, haiwan tidak mempunyai akal. Haiwan-haiwan ini bertindak dan berkelakuan sekadar memenuhi keperluan hidup.

Melalui novel ini juga, pengarang menjelaskan bahawa nafsu *lawwamah* perlu ini diatasi dengan usaha meningkatkan ilmu, terutama dalam ilmu fardhu ain. Hanya ilmu yang mampu menjadi penyuluh jalan membezakan halal dan haram, pahala dan dosa, syurga dan neraka. Dengan ilmu yang ada, sedikit demi sedikit manusia akan beramal dan nafsu akan mula terdidik ke arah kebaikan. Perwatakan Tapa yang kemudiannya dikenali sebagai Lebai Pa dalam keseluruhan novel, menunjukkan adanya mujahadah melawan nafsu dalam diri sehingga akhirnya dia tidak lagi menganggap cinta dunia sebagai matlamat sebenar hidupnya. Lebai Pa sedar bahawa hidup bukan sekadar memenuhi kehendak nafsu syahwat semata-mata. Lebai Pa

menolak apabila Jemilah mencadangkan agar dia berkahwin lain setelah mereka tidak dikurniakan zuriat oleh Allah SWT sepanjang perkahwinan mereka.

Bila persoalan anak dibicarakan dengan Jemilah, tentang indah dan gembiranya dengan jeritan keriangannya, Jemilah diam, dia menangis lalu Jemilah memintanya bernikah satu lagi, dan Jemilah menyalahkan dirinya yang kononnya mandul dan gagal melahirkan anak daripada benih Lebai Pa.

(Hasanuddin, 1991:11)

Pada diri seorang manusia, ketiga-tiga keadaan nafsu iaitu *ammarah*, *lawwamah* dan *mutmainah* saling berinteraksi dan berubah-ubah pada bila-bila masa. Jiwa manusia boleh memiliki nafsu *mutmainah* kemudian dalam sekelip mata berubah menjadi nafsu *lawwamah* juga boleh menjadi serendah-rendahnya iaitu nafsu *ammarah*. Lantaran itulah sangat pentingnya perjuangan untuk melawan hawa nafsu dalam diri sendiri. Menurut Ahmad Amri Zainal Adnan (2009), jihad melawan hawa nafsu merupakan asas kepada segala jihad kerana manusia perlu menguasai nafsu dalam dirinya sebelum dapat menegur orang lain serta mengajak kepada kebaikan.

Al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumiddin* ada menyentuh tentang firman Allah dalam surah An-Nisa (03:95) yang bermaksud: "...dan orang-orang yang berjuang pada jalan Allah, dengan harta dan dirinya. Allah melebihkan tingkatan orang-orang yang berjuang dengan harta dan dirinya dari orang-orang yang tinggal duduk". Lebai Pa juga seorang yang sanggup mengorbankan hartanya untuk memastikan pembinaan madrasah di Bukit Setugal menjadi kenyataan. Biar pun tidak hidup dalam kemewahan dan hanya bergantung pada hasil kebun yang diusahakan, Lebai Pa dan isterinya Jemilah berjaya mendidik diri mereka membelanjakan harta mereka pada jalan Allah tanpa sedikitpun rasa ragu-ragu akan kekurangan rezeki mereka.

Nikmat kebesaran Allah benar-benar terasa dalam hatinya. Alangkah bertuahnya kehidupan kerana bermurah hati untuk bersedekah.

"Ambillah duit saya dalam saku baju gombang itu."

"Semuanya?"

Lebai Pa angguk. "Kalau jumpa Pudim, suruh dia bawakan pisang dan kelapa ini menggunakan basikalnya ke rumah arwah Senah."

(Hasanuddin, 1991:58)

Lebai Pa telah melalui pelbagai rintangan dalam hidupnya sejak zaman muda, sedar bahawa tugas untuk menarik masyarakat Kampung Setugal kembali kepada Islam merupakan suatu amanah yang sangat besar. Jika masyarakat Kampung Bukit Setugal terus dibiarkan hanyut, generasi mudanya pasti akan menjadi golongan yang semakin rosak akhlak dan keperibadiannya yang kemudiannya akan menjadi legasi kepada generasi yang akan datang. Lebai Pa bukan sahaja diuji dengan penentangan secara terang-terangan oleh penduduk kampung, malah beberapa kali fitnah ditabur penduduk kampung yang benci akan perjuangan suci yang mula disuburkannya kembali. Namun itu semua tidak berjaya mematahkan semangat juang ada ada dalam diri Lebai Pa malah dia yakin bahawa pertolongan Allah bersama-sama orang yang benar. Mereka yang sudah mencapai tahap nafsu *mutmainah* apabila berkorban pada jalan Allah akan melakukannya dengan kesungguhan dan keazaman yang tidak berbelah bagi meskipun nyawa mereka jadi taruhan.

### Konflik Hati (*al-qalb*) dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir*

Hati merupakan unsur penting yang mempunyai peranan besar dalam kehidupan seseorang kerana hatilah yang mempengaruhi tindak tanduk dan tingkah laku seseorang. Tindak-tanduk yang baik akan menjernihkan hati; sebaliknya perbuatan keji oleh hati dan anggota tubuh lainnya akan menentukan gelap atau hitamnya hati itu. Al-Ghazali (1980) membahagikan hati manusia kepada tiga jenis atau sifat iaitu hati yang sihat, hati yang sakit dan hati yang mati. Pembahagian ini adalah merujuk pada sifat hati manusia yang dinyatakan dalam al-Quran sebagai *qalibun salim* (hati yang sejahtera), *qalibun maridh* (hati yang sakit) dan *qalibun mayyid* (hati yang mati) sebagaimana dalam surah Al-Syu'ara (26:88-89) yang bermaksud: "Iaitu pada hari (ketika) harta dan anak-anak tidak berguna. Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang sejahtera." Hati yang sihat merupakan hati yang tenang yang tidak dapat diganggu gugat bisikan syaitan yang sentiasa berusaha dengan penipuannya. Ahmad Haromani dan Abdurachman (2020) yang menulis tentang hati yang sihat menyamakan sifat hati ini sebagai *qalibun salim* menurut perspektif Tafsir Ibnu Katsir. Pemilik hati *qalibun salim* ini sentiasa tenang, terhindar daripada keraguan dan kebimbangan serta hati yang dimilikinya tidak angkuh, benci, dengki, dendam dan bebas daripada sifat-sifat tercela.

Fariza Md. Sham *et al.* (2013) yang memetik pandangan Al-Ghazali menjelaskan bahawa proses pembentukan personaliti seseorang harus dimulakan dengan pembaikan hati, dan hanya hati yang memiliki kekuatan ilmu bergerak ke arah sifat yang mulia seperti tenang, zuhud, warak, lapang dada, ramah, tolong-menolong dan pelbagai lagi perlakuan yang baik. Menurut pengarang, untuk menjadi seorang yang berilmu, seseorang itu perlu mendekati dan mendalami ilmu pengetahuan itu sebelum dia mampu untuk menghujahkannya dan menyampaikannya kepada orang lain. Dalam novel ini, watak Jamin berusaha mendalami dan ilmu kepawangan dengan begitu teliti sebelum berani masuk ke medan tempur berhadapan dengan Pawang Tunggal. Jamin mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemantapan rohani, melalui *zikrullah* kerana mengetahui permainan ilmu Pawang Tunggal yang berdamping dengan makhluk halus. Jamin berdepan dengan konflik antara memberi kemaafan atau membalas dendam atas perbuatan Pawang Tunggal terhadap bapanya. Jamin berperang dalam diri antara rasa marah, kecewa, sedih dan terkilam namun dia memilih untuk memaafkan perbuatan Pawang Tunggal malah bersedia merawat luka parah Pawang Tunggal akibat daripada pertarungan mereka.

"Terima kasih kerana pertolongan kamu itu, Jamin," kata Pawang Tunggal.

"Aku mengaku bersalah kerana menyantau ayah kamu. Hukumlah aku atas kesalahan aku itu."

"Seperti yang saya katakan tadi, saya telah memaafkan pawang," kata Jamin.

"Saya juga begitu," sambung Badin.

"Saya fikir adik saya Resedan bersependapat dengan kami berdua."

"Aku masih rasa berdosa," kata Pawang Tunggal.

(Hasanuddin, 2014:340)

Meskipun bukan mudah melafazkan kata-kata maaf, namun akhirnya Jamin yang sudah memperteguh hatinya bersedia memaafkan orang yang telah menganiaya bapanya Pawang Cha. Wan Rokiah Wan Yusuff (2017) yang mengkaji novel *Cebisan Mantera Terakhir* turut menjelaskan bahawa keangkuhan ilmu yang dimiliki Pawang Tunggal menyebabkannya menjadi sombong dan angkuh sehingga tidak mahu menerima kenyataan bahawa ada pawang lain yang juga disanjung tinggi oleh masyarakat setempat. Hakikatnya jalan yang lurus tidak akan terus lurus dan bercahaya jika tidak terangi dengan cahaya keimanan, begitulah Pawang Tunggal yang berada dalam kealpaan terhadap nikmat dunia kerana mengharap sanjungan



manusia. Al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumiddin* menyebut tentang kehinaan orang berilmu apabila terbit sebesar zarah sekalipun perasaan sombong atas kelebihan ilmunya.

Allah SWT telah berfirman dalam surah Az-Zumar (39:60) yang bermaksud: “*Dan pada hari kiamat, engkau akan melihat orang-orang mendustakan Allah, wajahnya menjadi hitam. Bukankah neraka jahanam itu tempat tinggal bagi orang yang menyombongkan diri?*” Penjelasan oleh Al-Ghazali membuktikan bahawa konflik hati yang berkaitan dendam dan dengki akan merosakkan pemilik hati itu sendiri lantaran sudah tidak ada ketenangan dalam diri mereka melihat keberhasilan dan kejayaan orang lain. Melalui *Cebisan Mantera Terakhir*, watak Pawang Tunggal mengenakan santau kepada Pawang Cha kerana perasaan hasad dengkinya. Pawang Tunggal yang merupakan teman seperguruan dengan Pawang Cha tidak dapat menerima dengan reda hakikat bahawa pesakitnya berjaya disembuhkan Pawang Cha sedangkan dia sendiri merupakan pawang yang terkenal di wilayahnya. Pawang Tunggal sudah tidak melihat dari sudut positif sebaliknya melihat perkara ini sebagai suatu kekalahan yang besar bagi dirinya yang sudah dipandang hebat di mata masyarakat. Hati yang sudah sedia sakit, tidak pula diusahakan untuk pulih dan kembali ke jalan-Nya maka bersoraklah syaitan dengan kemenangan yang berpihak kepada mereka.

Pawang Tunggal terus membaca mantera. Tetapi udara sejuk tidak menerobos ke dalam rumah itu. Dibacanya lagi mantera, tetapi udara sejuk itu tidak menerobos juga.

(Hasanuddin, 2014:270)

Hati yang mati ialah hati hitam yang terpalit dengan dosa-dosa yang bertindan lapis sehingga membutakan si pemiliknya terhadap kebenaran dan kebaikan agama (Al-Ghazali, 1980). Titik-titik hitam yang mengotori kejernihan hati ini akan menyebabkan seseorang mengambil mudah urusan akhirat dan membesarkan urusan dunia. Apabila disampaikan kepada mereka tentang urusan-urusan akhirat dan bahaya meninggalkannya, tidak akan tergerak hati mereka untuk bertaubat malah segala yang sampai ke telinga mereka tidak meninggalkan kesan walau sedikit pun. Peringatan demi peringatan sudah tidak memberi bekas lantaran hitam gelapnya hati mereka. Al-Ghazali turut menggunakan istilah hati yang terhina bagi menggambarkan sifat hati manusia yang terisi dengan hawa nafsu, kotor dengan akhlak yang tercela, keji, terbuka kepada semua pintu kesyaitanan dan tertutup semua pintu kemalaikatan (Al-Ghazali, 1980).

Dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir*, watak Jamin, Pawang Tunggal, Haji Samad dan Halida mewakili pemilik-pemilik hati yang dikategorikan melalui pandangan al-Ghazali iaitu pemilik hati yang sihat, hati yang sakit dan hati yang mati. Pawang Cha, bapa Jamin tidak mahu anak-anak mewarisi ilmu kepawangannya kerana bimbang anak-anaknya terdedah kepada musuh yang bersifat dengki terhadap ilmu yang dimiliki. Meskipun ilmu itu merupakan satu kebaikan apabila digunakan ke arah yang betul, namun ilmu yang bersifat keduniaan akan mengharapkan habuan duniawi. Ternyata apa yang menjadi kebimbangan Pawang Cha menjadi realiti apabila dia sendiri terbunuh dek rasa dengki manusia lain terhadap kelebihan ilmu kepawangan yang dimilikinya. Pawang Tunggal yang mencintai sanjungan manusia sanggup menggunakan jin dan syaitan dalam mengubati pesakitnya semata-mata ingin dianggap hebat dan unggul dalam dunia kepawangan. Al-Ghazali turut menyentuh sikap pemilik hati yang sakit yang sentiasa meletakkan dunia melebihi kehidupan akhiratnya. Sedikit sahaja peringatan diberikan Allah melalui kelebihan Pawang Cha, dianggap sebagai kekalahan yang perlu ditebus demi maruahnyanya sebagai pawang tersohor di wilayahnya.

“Tidak!” jerit Pawang Tunggal lagi. Dia tidak dapat menerima sedemikian kekalahan yang terpaksa dialaminya.

“Tidak! Aku tidak pernah kalah!”

“Aku pawang besar. Aku tidak mungkin kalah!”

“Akulah pawang segala pawang. Akulah pawang segala pawang!”

(Hasanuddin, 2014:272)

### **Konflik Akal (*al-‘aql*) dalam Novel *Sarjana Bangsa***

Allah mengurniakan akal sebagai suatu anugerah yang berharga kepada manusia. Sebagaimana firman Allah dalam surah At-Tin (95:4) yang bermaksud, “*Sesungguhnya, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya.* Manusia dijadikan Allah sebagai satu makhluk yang sempurna dengan adanya akal fikiran. Lengkapnya kejadian akal manusia diperkukuh pula oleh lima pancaindera yang membolehkan mereka membuat pilihan dan pertimbangan yang wajar. Menurut al-Ghazali (1980) akal merupakan sumber ilmu dan tempat lahirnya ilmu pengetahuan. Dengan adanya akal, manusia dilantik menjadi khalifah mengatasi makhluk lain ciptaan-Nya di bumi ini. Melalui akal, manusia dapat menyampaikan kebenaran di samping membuat pertimbangan baik buruknya sesuatu tindakan dan perlakuan itu. Dalam surah Al-Baqarah (3:269) yang bermaksud, “*Dia memberi hikmah kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Barang siapa diberi hikmah, sesungguhnya dia diberi kebaikan yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran kecuali orang-orang yang mempunyai akal sihat.*”

Hamka dalam *Tafsir Al-Azhar* Juzu’ 1-3 (1981) menerangkan bahawa Allah mengurniakan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya iaitu suatu alat yang dinamakan akal. Hikmah bukan sekadar mempunyai ilmu semata-mata, malah bagaimana ilmu itu dipraktik dan dimanfaatkan akal, barulah seseorang itu dianggap bijaksana atau *al-hakim* iaitu satu daripada *Asmaul Husna*. Kebijaksanaan akal membolehkan manusia mengenal pasti dan membuat pertimbangan antara keraguan dan kesimpulan yang benar. Hakikat akal dihuraikan Al-Ghazali (1980) dalam *Ihya’ Ulumiddin* melalui empat bahagian iaitu akal sebagai suatu sifat yang membezakan manusia dengan haiwan, akal sebagai ilmu pengetahuan yang dapat membezakan sesuatu perkara, akal sebagai pengetahuan yang diperoleh melalui pengalaman dan akal sebagai pengawal yang mampu menilai akibat sesuatu tindakan.

Daripada ketiga-tiga novel yang dikaji, novel *Sarjana Bangsa* merupakan karya Hasanuddin Md Isa yang memperlihatkan kecenderungan pembicaraan konflik akal yang dominan. Dengan berlatarkan insititusi pendidikan tinggi, novel ini memaparkan Isyraf Eilmy watak utamanya seorang pensyarah universiti. Watak ini dibangunkan sebagai watak ilmuwan yang memperlihatkan kegigihan dalam usaha membangunkan pemikiran bangsa Melayu. A. Halim Ali (2017) berpendapat bahawa penggunaan perkataan “sarjana” itu sendiri sebagai judul novel, membayangkan kekuatan novel terhadap pegangan paksi keilmuan. Isyraf Eilmy diberi peranan mendukung usaha mengangkat ilmu agama sebagai teras kesarjanaan dalam segenap aspek kehidupan. Turut dikemukakan pengarang beberapa siri perbincangan dan perdebatan yang persoalan ilmu dan keilmuan yang membuktikan hampir keseluruhan novel ini adalah tentang dunia keilmuan dan kesarjanaan. Ilmu dan akal tidak dapat dipisahkan. Apabila memperkatakan tentang ilmu maka akallah yang memainkan peranannya sebagai alat berfikir.

Dalam novel *Sarjana Bangsa*, pengarang menjadikan ruang perdebatan sebagai medan menegakkan kebenaran, misalnya dalam perdebatan Isyraf Eilmy dengan Thomas Jenn tentang kecelaruan beberapa konsep dalam Kristian dan perbezaannya dengan Islam. Perdebatan Isyraf Eilmy dengan abangnya Sa'id Badi'urzaman berkisar tentang perjuangan membina bangsa melalui landasan yang berbeza. Isyraf Eilmy melihat daripada sudut sumbangan keilmuan Islam, sebaliknya Sa'id abangnya yang terlibat dalam bidang politik lebih cenderung menekankan peranan semangat nasionalisme yang telah dianggap berjaya dalam perjuangan membina negara bangsa sejak merdeka. Bagi Isyraf Eilmy, nasionalisme ialah acuan Barat untuk memerangkap umat Islam yang luarannya nampak sempurna tetapi hakikatnya masyarakat yang terbentuk oleh acuan nasionalisme itu amat goyah, rapuh dan saling mencurigai antara satu sama lain. Al-Ghazali mengibaratkan orang yang berilmu lalu menyampaikan ilmu itu sehingga memberi manfaat kepada orang lain sebagai matahari yang memancarkan sinar menerangi kehidupan orang lain namun turut sama mendapat manfaat daripada sinar cahaya itu (Abdul Salam Yussof, 2003). Sebagai menguatkan watak Isyraf Eilmy, pengarang menggambarkan golongan cerdik pandai dengan kata-kata bahawa,

“Pada fikiran saya, cendekiawan itu bagaikan percikan api yang meloncat dari batu yang bertabrakan. Mereka membangkitkan fikiran yang tidur, melahirkan semangat kebangkitan dan gerakan suatu zaman yang mati. Mereka mempercepat aliran kehidupan dan darah dalam urat nadi rakyat yang lembam, dalam fikiran, dalam agama, dan berbagai-bagai upacara. Mereka hadir untuk mengubah jalan sejarah dan mengarahkannya ke tujuan yang berbeda. Mereka menjadi penguasa, pencipta, dan pembangun masyarakat yang jauh lebih baik daripada sebelumnya.”

(Hasanuddin, 2015:287)

Melalui novel ini, pengarang dilihat menggunakan penulisan sebagai medan dakwah Islamiah. Unsur Islami yang digarap pengarang terserlah melalui usaha dakwah yang ditampilkan melalui beberapa watak dalam novel. Pengarang mempamerkan hakikat akal menurut al-Ghazali dalam mengungkapkan kebijaksanaan cara mereka berdakwah kepada golongan sasaran. Pengalaman dalam hidup digunakan watak untuk menyampaikan ilmu sama ada secara langsung mahupun tidak. Isyraf Eilmy berperanan sebagai penyampai atau pendakwah daripada golongan orang berilmu.

“Isyraf Eilmy memberitahu Papa bahawa Islam itu bukan agama yang memisahkan anak dengan ibu bapanya, memisahkan seorang suami dengan isterinya. Islam itu bukan agama yang membuang nama dan keturunan. Islam itu ialah penyatu kepada segala-galanya. Yakinlah.”

(Hasanuddin, 2015:160)

Watak Isyraf Eilmy diletakkan sebagai pendakwah yang berilmu, tidak bersifat memaksa, berhikmah dalam setiap tutur kata hingga berjaya melunturkan pendirian Papa Lee Kam Seng yang sekian lama berpegang pada pemikiran ajaran Guru Kung. Dalam novel yang sama, Hasanuddin Md Isa memasukkan beberapa ayat al-Quran yang bersesuaian sebagai landasan ilmu Islam dalam novel bagi memperjelas persoalan ilmu berteraskan agama (A. Halim Ali, 2017). Dengan berlatarbelakangkan dunia pendidikan, pengarang membawakan pengalamannya sendiri membawa khalayak ke dunia ilmu pengetahuan dengan mengalakan fokus kepada konflik dalam kalangan golongan berpendidikan dalam novel *Sarjana Bangsa*.

Selain itu, pengarang menyampaikan buah fikir tentang dunia ilmu dan pemikiran dalam bentuk perdebatan secara mendalam tentang sesuatu isu. Perdebatan tentang ketuhanan turut dibawakan melalui watak Thomas Jenn menegakkan pendiriannya tentang agama Kristian. Usaha ini pasti sukar dan kelihatan dangkal jika pengarang sendiri tidak mempunyai pengetahuan yang luas dan terperinci tentang konflik yang dijadikan mauduk perbincangan watak-watak. Selain memperlihatkan tentang kepentingan mendalami ilmu daripada sumber yang jelas kewibawaannya pengarang menegaskan bahawa para ilmuwan tidak berkembang keintelektualannya jika kurang melakukan penyelidikan mendalam tentang sesuatu ilmu.

“Kelemahan lain ialah ilmuwan Islam tidak mampu merujuk kepada karya-karya klasik. Ketidakupayaan mereka menguasai bahasa standard (Arab) dalam setiap karya klasik menyebabkan tradisi keilmuan tidak dapat dikutip dengan tepat.”

(Hasanuddin, 2015:227)

Zetty Nurzuliana Rashed *et al.* (2016) menjelaskan bahawa menurut Al-Tabataba’i, salah seorang sarjana muslim pengkaji al-Quran, terdapat beratus ayat al-Quran yang memaparkan kedudukan ilmu yang tinggi dan peranan ilmu pengetahuan dalam kehidupan insan. Setiap individu muslim perlu mencari, mengkaji, mengumpul dan memanfaatkan ilmu pengetahuan. Pendirian pengarang jelas tentang kepentingan tradisi keilmuan dalam membentuk pemikiran umat Islam. Menurut pengarang lagi, umat Islam yang kehilangan *thinking capacity* atau kemampuan berfikir tidak berupaya untuk melepaskan diri daripada belitan pelbagai masalah dalam kehidupan mereka. Segala konflik melibatkan akal dan pemikiran dapat diselesaikan jika manusia kembali kepada sumber primer berlandaskan agama dengan merujuk al-Quran dan as-Sunah.

## KESIMPULAN

Hasanuddin Md Isa membawa solusi Islami dalam penyelesaian setiap konflik yang dimajukannya. Setiap konflik diselesaikan melalui ilmu, dibincangkan berlandaskan ilmu. Melalui kitab *Ihya’Ulumiddin*, al-Ghazali menggalakkan umat Islam mempraktikkan ilmu dengan amalan kerana matlamat ilmu adalah untuk diamalkan dengan ikhlas. Hasanuddin Md Isa menggunakan pendekatan ini melalui watak Jamin dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir*. Jamin berusaha meningkatkan amalan rohani di samping ilmu kepawangan untuk menyelesaikan konflik antara dia dan Pawang Tunggal. *Zikrullah* yang sudah sebatu dalam jiwanya melahirkan rasa ikhlas sehingga dia sanggup memaafkan kekhilafan Pawang Tunggal yang membunuh bapanya melalui santau angin. Pengarang mengambil solusi bahawa ilmu yang dipraktikkan menjadi amalan baik yang membersihkan diri daripada kekotoran.

Hal yang sama turut ditemukan dalam novel *Mereka yang Tertewas*. Penentangan yang berterusan daripada penduduk Kampung Setugal tidak melemahkan jiwa Lebai Pa meskipun kudrat fizikalnya semakin dimamah usia. Perjuangan Lebai Pa dalam membawa masyarakat kembali ke landasan agama berbeza dengan perjuangan Jamin dalam *Cebisan Mantera Terakhir* dan Isyraf Eilmy dalam *Sarjana Bangsa*. Meskipun berjuang dalam medan yang berbeza namun ketiga-tiga watak turun ke gelanggang dengan ilmu penuh di dada dengan matlamat yang sama menyampaikan kesucian agama. Watak-watak utama mendalami ilmu melalui usaha gigih antaranya dengan mencari guru, melakukan penyelidikan di samping memantapkan keteguhan rohani dengan *zikrullah* dan keyakinan yang tidak berbelah bagi terhadap Yang Maha Esa.

Pengarang cenderung mengangkat kepentingan *zikrullah* sebagai penguat jiwa kebanyakan watak dalam novel. Zikir-zikir tersebut juga dinyatakan dengan jelas melalui beberapa bab dalam novel. Dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir* dan *Mereka yang Tertewas*, pengarang memaparkan amalan zikir oleh watak-wataknya. Pengarang tidak akan dapat memaparkan secara terperinci amalan *zikrullah* jika pengarang sendiri tidak mempunyai ilmu yang mendalam dan tidak mengamalkannya sebagai suatu cara hidup. Terdapat beberapa zikir yang ditemukan berulang-ulang dalam novel yang berbeza. Penggunaan zikir sebagai usaha pemantapan jiwa seseorang yang ditampilkan pengarang secara konsisten sama ada secara langsung mahupun melalui tindakan watak-watak dalam novel yang dikaji. Penggunaan *zikrullah* ini juga digunakan pengarang sebagai solusi penguat jiwa dalam menghadapi rintangan dan halangan dalam kehidupan. Halaman yang terdapat zikir misalnya zikir *Asmaul Husna* ditemukan dalam novel *Mereka yang Tertewas* dan *Cebisan Mantera Terakhir*. Zikir tasbeeh, takbir dan tahmid juga ditemukan dalam *Cebisan Mantera Terakhir* sebaliknya dalam *Sarjana Bangsa* tidak ditampilkan zikir secara terus sebaliknya hanya melalui perlakuan watak-wataknya. Pemaparan zikir, doa dan wirid seperti menjadi identiti penulisan Hasanuddin Md Isa sehingga ada pengkritik yang menganggap dia keterlaluan dalam membawakan unsur tersebut dalam karyanya. Amalan begini menjadi penghubung langsung manusia dengan pencipta-Nya bagi membolehkan manusia sentiasa dalam perlindungan dan hidayah Allah SWT sehingga memberi impak pada tingkah laku seterusnya kehidupan manusia.

Sebagaimana Al-Ghazali yang menekankan keseimbangan hidup di dunia dan akhirat, Hasanuddin Md Isa turut memaparkan persoalan yang sama melalui ketiga-tiga novelnya. Kehidupan di dunia yang sementara merupakan jambatan yang membawa kehidupan akhirat yang kekal. Kelazatan dunia yang dikurniakan tidak pernah menjadikan mereka leka sebaliknya menambah kekuatan dan kemantapan perjuangan mereka. Bagi pengarang, hanya golongan yang lemah yang melarikan diri daripada berhadapan dengan konflik dan tidak bersikap terbuka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Halangan dan rintangan yang dihadapi tidak pernah melemahkan semangat perjuangan mereka kerana setiap permasalahan dirujuk kepada sumber utama iaitu al-Quran dan hadis.

## RUJUKAN

- A. Halim Ali. 2017. *Sarjana Bangsa* dari Perspektif Teori Persuratan Baru. *Dewan Sastera*. Bil.12: 22-26.
- Abdul Salam Yussof. 2010. *Idea-idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Amri Zainal Adnan. 2009. *PSQ- Rahsia Personaliti Unggul*. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama.
- Ahmad Haromaini & Abdulrachman. 2020. Qalbun Salim Perspektif Tafsir Ibnu Katsir. *Jurnal Pemikiran dan Pencerahan Rausyan Fikr* 16 (1): 22-30.
- Ahmad Munawar Ismail, Abdul Muhaimin Mahmood. 2022. Pemikiran al-Ghazali tentang hubungan antara Muslim dengan Muslim dan Muslim dengan Non Muslim. *Jurnal Islamiyyat* 44: 61-70.
- Al-Quran Al-Karim*. 2019. Kajang: Penerbit Karya Bestari.
- Al-Ghazali. 1980. *Bimbingan Mu'minin*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali. 1980. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 1*. Jakarta: Menara Kudus.

- Eizah Mat Hussain, Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Nurhasyimah Saidin. 2022. Aspek Realisme Magis dalam Novel *Cebisan Mantera Terakhir*. *Jurnal Pengajian Melayu* 33(2): 27-43.
- Fariza Md. Sham, Salasiah Hanim Hamjah & Mohd. Juraini Sharifudin. 2013. *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Hamka. 1981. *Tafsir Al-Azhar Juzu '1-2-3*. Surabaya: Yayasan NurulIslam.
- Hamka. 2007. *Peribadi*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hasanuddin Md Isa. 1991. *Mereka yang Tertewas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasanuddin Md. Isa. 2014. *Cebisan Mantera Terakhir*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Hasanuddin Md Isa. 2015. *Sarjana Bangsa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Hashim Supree. 2000. Novel-novel Hasanuddin Md Isa: Penyelesaian Polemik Sastera Islam. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malike Brahim. 2008. *Mengurus Konflik*. Petaling Jaya: IBS Buku.
- Mana Sikana. 1986. *Kritikan Sastera Pendekatan dan Kaedah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman, Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin. 2022. Psikoterapi al-Ghazālī: Kajian Terhadap Maqāmāt dalam *Kitab Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. *Jurnal Islamiyyat* 44: 85-95.
- Misran Rokimin. 2008. *Seperti Sejalur Pelangi: Pemaparan Konflik Remaja Menuju Kecemerlangan*. *Jurnal Melayu* 3: 1-17.
- Mohd Nasir Masroon. 2016. Aplikasi Modul Terapi Jiwa dalam kalangan Pesakit Mental dan faedahnya terhadap Kesihatan Jiwa. Tesis Dr. Fal. Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriha Basir. 2010. Kefungsian Gaya Bahasa Pengulangan dalam novel *Al-Abrar: Satu Analisis Wacana*. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nozira Salleh, Indriaty Ismail, Sharifah Ismail. 2022. Konsep Sabar Menurut Imam Al-Ghazali (1058-1111 M) dan Relevansinya dalam Mendepani Covid-19. *Jurnal Islamiyyat* 44: 53-60.
- Nurakmaliah Alias & Mawar Safei, 2022. Pembentukan Sahsiah Remaja Islam Melalui Puisi Melayu. *Jurnal Melayu* 21(1): 113-128.
- Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail & Khairatul Akmar Abd. Latif. 2017. Analisis Takmilah novel *Sarjana Bangsa*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017), hlm.151-154.
- Robiah Muhammad. 2015. Model Insan Melayu dalam Novel-novel S. Othman Kelantan. Tesis Dr. Fal, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rogers, C.R. 1961. *On Becoming a Person*. Houghton Mifflin Company. Shahnnon Ahmad. 1993. *Sastera sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Dahlia Abdullah. 2020. Alam Terbentang Dijadikan Guru: Peranan Alam dalam Novel *Cebisan Mantera Terakhir*. Dlm. Wityatmi, M.Hum & Novita Dewi, Mawar Safei (pnyt.). *Sastra Hijau di Indonesia dan Malaysia dalam kajian Ekokritik dan Ekofeminis*, hlm. 287-305. Yogyakarta: Cantrik Pustaka.
- Wan Rokiah Wan Yusuff. 2017. "Islam Lawan Tradisi" dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir* Karya Hasanuddin Md Isa. Latihan Ilmiah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yatimah Sarmani & Tajudin Ninggal. 2008. *Teori Kaunseling Al-Ghazali*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors.

Zetty Nurzuliani Rashed, Ab. Halim Tamuri, Mohd Izzuddin Pisol, Mohd Faez Ilias, Siti Suhaila Ihwani. 2016. Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan dan Hubungannya Dengan Sains. Dalam *Proceeding of 5<sup>th</sup> International Conference on Islamic Education 2016 (ICIEd 2016)* 5-7 Oktober 2016.

Zulkipl Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor [t.th] *Penghayatan Agama sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali*. Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Kampus KUSZA.

#### **Biodata Penulis:**

**Siti Dahlia Abdullah** merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, dan sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Mawar Safei** merupakan Profesor Madya dan Ketua Kluster Warisan Melayu (2020-2022) di Pusat Kajian Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM; dengan pengkhususan sastera dan kreativiti.